

13/10/2002

`Malaysia miliki dasar kukuh terus membangun'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Malaysia memiliki segala-galanya untuk terus berkembang apabila beliau melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri menjelang Oktober tahun depan.

Perdana Menteri berkata, negara ini memiliki segala dasar dan mekanisme yang diperlukan untuk terus membangun.

"Dasar sudah ada pada tempatnya, begitu juga dengan mekanismenya. Jadi, saya fikir walaupun saya tiada lagi (sebagai Perdana Menteri), Malaysia akan terus berkembang bersama dengan kumpulan rakyat yang begitu mahir dan pakar dengan dasar kerajaan," katanya dalam temu bual bersama pengacara CNN, Lorraine Hahn, dalam program `Talk Asia' malam semalam yang dirakam di kediaman rasminya di Putrajaya.

Temu bual yang turut menyentuh kehidupan Dr Mahathir termasuk zaman kanak-kanak dan perasaan beliau mengenai keputusan meletak jawatan.

Mengenai bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri berkata: "Kami berkongsi pendapat yang sama, walaupun mempunyai perbezaan dalam gaya kepimpinan.

"Kami percaya dengan perkara yang sama... kaedah yang sama. Sudah tentu, gaya kepimpinan kami berbeza tapi tidak mengapa. Saya fikir adalah bagus untuk rakyat menyaksikan perubahan," katanya.

Ditanya sama ada rakyat akan merindui kehadiran beliau sebagai pemimpin, Dr Mahathir sudah tentu akan ada berasa demikian tetapi yakin mereka boleh melaksanakan tugas dengan baik tanpa beliau.

Perdana Menteri juga menegaskan, bahawa beliau amat positif mengenai keputusan untuk meletak jawatan dan tidak mungkin akan berganjak.

Ketika dibuat perbandingan dengan kehadiran bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, yang terus berada dalam Kabinet sebagai Menteri Kanan republik itu selepas meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir patut campur tangan dalam sebarang perkara."

Bagaimanapun beliau akan terus membabitkan diri dalam politik dalam usaha untuk menjelaskan polisi Malaysia kepada rakyat.

"Saya sudah pasti akan terus terbabit dalam politik kerana saya akan menjelajah dan memberi penerangan mengenai Malaysia, polisinya dan mengapa ia mesti kekal sebagai sebuah negara demokrasi, di samping bagaimana sebuah negara patut menguruskan sebuah negara yang sedang membangun.

"Saya fikir saya juga akan terus kekal bersama parti (Umno). Saya ingin memastikan parti ini terus menang. Dalam hal ini, saya akan mempunyai lebih banyak masa untuk turun ke bawah dan berjumpa rakyat."

Ketika menyentuh mengenai pengumuman persaraannya yang penuh emosi pada Perhimpunan Agung Umno Mei lalu, Dr Mahathir berkata ketika itu beliau mungkin gagal mengawal diri.

"Saya fikir saya boleh mengelak daripada menjadi begitu emosi, tapi di bawah keadaan seperti itu saya rasa saya kehilangan kawalan diri."

Bagaimanapun katanya, beliau sebenarnya memang menantikan masa untuk membuat pengumuman itu dan kemudian meletak jawatan serta merta.

Ditanya mengenai kejutan yang turut dialami oleh keluarga dan seluruh ahli Umno, Dr Mahathir berkata beliau tidak memberitahu sesiapa mengenai niatnya untuk meletak jawatan - walaupun kepada isterinya - kerana tahu mereka akan berusaha untuk menghalang beliau daripada berbuat demikian.

Katanya, peletakan jawatannya ketika pengumuman dibuat Mei lalu adalah amat baik terutama selepas memulihkan semangat Umno dan negara, selepas

mengalami krisis ekonomi yang serius di samping krisis politik membabitkan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menyentuh mengenai persoalan lebih relaks, Dr Mahathir berkata penjajahan Jepun ke atas Malaysia membuka matanya, mengenai bagaimana rakyat Asia juga mampu untuk menjadi pemimpin. Ketika itu katanya, kehebatan Britain terutama sebagai kuasa dunia hilang serta merta.

"Sejak dari itu saya berfikir, kami juga (rakyat Malaysia) boleh melakukan apa yang dilakukan oleh Jepun kerana kami juga dari Asia dan kami boleh mencapai dan memerintah sendiri," katanya mengimbau kenangan silam.

Dr Mahathir juga teringat kepada masalah kekurangan makanan dan kemiskinan yang dialami sendiri oleh keluarganya.

"Semua abang saya kehilangan pekerjaan, sehingga kami terpaksa menjual pisang di tepi jalan dan pelbagai kerja lain. Saya juga membuka sebuah kedai kopi yang kecil dan melakukan pelbagai perniagaan kecil lain," katanya.

Ditanya pendapatnya mengenai Melayu hari ini, beliau berkata mereka perlu bekerja lebih keras dan mengelak dari mengambil sebarang jalan pintas, sebaliknya merancang untuk masa depan.

Mengenai legasi yang ditinggalkan untuk Malaysia, Perdana Menteri menegaskan peninggalan budaya adalah lebih penting daripada infrastruktur fizikal.

"Hakikat bahawa saya berjaya mengekalkan keharmonian di kalangan rakyat pelbagai kaum, adalah satu pencapaian yang amat penting," katanya.

Menjawab soalan sama ada hubungannya dengan ayahnya, antara guru besar Melayu pertama di sekolah Inggeris, mempunyai pengaruh besar terhadap cara beliau mentadbir Malaysia, Dr Mahathir menegaskan:

"Ya, saya rasa betul. Ayah memaksa saya bekerja kerana sayangkan saya. Jadi cara saya mendorong negara ini juga kerana saya sayangkan Malaysia," katanya.